



Ceritarita Singapura: Rintisan dan Simpangan dalam Seni

Pameran ini merupakan satu penceritaan. Ia berdasarkan perjalanan yang dilakukan oleh artis-artis ketika mereka berusaha untuk memahami perubahan keadaan sosial di dalam dan di luar Singapura sejak abad ke-19 melalui seni. Kisah-kisah ini, yang diceritakan melalui pelbagai perspektif, memberi kita peluang untuk mempertimbangkan semula bagaimana sejarah seni Singapura telah ditulis dan apa yang telah diabaikan.

Pameran ini mengiktiraf identiti kita yang rencam dan kosmopolitan. Kita meneroka bagaimana artis mempertimbangkan persoalan estetika dan melibatkan diri dalam isu-isu keprihatinan sosial dan nasional yang lebih meluas seperti soal penjajahan, peralihan urban dan globalisasi—sekaligus menempa laluan dan strategi alternatif menerusi kedua-dua medium dan ekspresi. Pameran ini mengambil pandangan yang lebih luas mengenai seni Singapura membuka laluan untuk meneroka isu-isu jantina, kelas dan buruh, serta menyentuh kepelbagaian disiplin dan budaya visual.

Seraya kita menghayati pameran ini, kita digalakkan untuk bertanya: Kisah siapakah ini? Siapakah yang memandang? Apakah tujuan seni?

Pasaran Tropika

Pada abad ke-19, Singapura dianggap sebagai tempat yang menjanjikan peluang oleh pedagang dan buruh yang telah mengembara ke sini untuk mencari rezeki, dan juga oleh penjajah British, yang menubuhkan pelabuhan perdagangan di pulau ini pada tahun 1819. Citra visual Singapura dalam bahan-bahan cetak, lukisan-lukisan dan gambar-gambar dari tempoh itu menonjolkan daya maju ekonominya. Pada masa yang sama, citra ini memaparkan pulau ini sebagai petempatan nelayan yang penuh pesona. Tanggapan awal ini turut menghebahkan daya tarik eksotik pelbagai komuniti yang telah berada di sini selama bertahun-tahun.

Walaupun paparan kolonial ini menguasai rupa Singapura yang ditampilkan, contoh awal pertukaran artistik menawarkan sekilas pandang terhadap bagaimana Singapura dibayangkan, dialami dan dihebahkan dalam pelbagai cara.

John Turnbull Thomson
(l. 1821, United Kingdom; m. 1884, New Zealand)

Esplanade dari Scandal Point

1851

Minyak di atas kanvas

Hadiah Puan F.G. Hall-Jones
Koleksi Muzium Negara Singapura
HP-0054

Dataran awam yang sibuk ini dikenali sebagai Padang. Terletak di luar Galeri Nasional Singapura, dataran ini pernah bersempadan dengan persisiran asal Singapura. John Turnbull Thomson merujuk Scandal Point—sebuah bukit kecil berumput tempat pengunjung sering beramah-tamah dan gosip sering berlaku.

Sebagai juruukur pemerintah pertama Singapura (1841–1853), Thomson juga menghasilkan peta yang mengumpulkan pengetahuan untuk kawalan penjajah. Susun atur lukisan yang teratur, bangunan kolonial yang penting dan pengkatalogan kumpulan kaum dan etnik yang berbeza-beza memberikan imej ideal kuasa empayar British.

1. Artis tidak diketahui

Kilang Nanas Sin Heng & Co.

1938

Poskad

2. Adolphe Willette

(l. 1857, Perancis; m. 1926, Perancis)

Le Meilleur des Ananas de Singapore, Marque Opter
(Nenas Terbaik dari Singapura, Jenama “Opter”)

c. 1890-an

Poskad

3. G.R. Lambert & Co.
(aktif 1867–1890-an, Singapura)

Ladang Nanas

1890
Poskad

4. Edgar Ainsworth
(l. 1905, tidak diketahui; m. 1975, United Kingdom)

*Poster Lembaga Pemasaran Empayar: Pasar Kebun Tropika—
Nanas Malaya*

1931
Litograf

5. Artis tidak diketahui

*Poster Lembaga Pemasaran Empayar: Beli Nanas Singapura di
dalam Tin*

Awal hingga pertengahan abad ke-20
Litograf

6. Artis tidak diketahui

Nanas (Ananas comosus) daripada Koleksi Lukisan Sejarah Alam William Farquhar

c. 1803–1818

Cat air di atas kertas

Hadiah Encik G.K. Goh

7. Artis tidak diketahui

Nanas (Ananas comosus) daripada Koleksi Lukisan Sejarah Alam William Farquhar

c. 1803–1818

Cat air di atas kertas

Hadiah Encik G.K. Goh

Koleksi Muzium Negara Singapura

2008-05815 | 2011-02818 | 1995-03510 |

2017-00872 | 2014-00118 | 1995-03136 |

1995-03138

Sepanjang abad ke-19 dan ke awal abad ke-20, representasi visual seperti ini menggambarkan Singapura sebagai kota kara yang eksotik. Proses ini bermula dengan usaha mengkatalogkan flora dan fauna Negeri-Negeri Selat secara sistematik. Pelukis tempatan—yang identitinya masih tidak diketahui sehingga hari ini—diupah untuk mencipta ilustrasi terperinci, yang

kemudiannya disusun dalam koleksi seperti yang dipunyai oleh William Farquhar (Residen Melaka, 1803–1818). Menjelang 1920-an, *Empire Marketing Board* atau Lembaga Pemasaran Empayar (ditubuhkan pada 1926) menugaskan artis Eropah untuk mereka bentuk poster yang menarik, manakala poskad ladang dan pembangunan perindustrian menjadi cenderahati popular.

Marianne James (née Reeves)
(l. tidak diketahui, United Kingdom; m. 1842, United Kingdom)

Pemandangan dari Bukit Pemerintahan

1828

Cat air di atas kertas

Koleksi Muzium Negara Singapura
1992-00199

Seorang ahli cat air amatir yang mahir, Marianne James (née Reeves) melukis pemandangan Singapura ini semasa perjalanan pulang ke Britain dari Calcutta, tempat suaminya berkhidmat sebagai uskup. Lukisan cat airnya menawarkan pemandangan romantis dan indah sebuah bandar pelabuhan yang sibuk, sesuai dengan gambaran popular tanah jajahan. James menghasilkan album karya seni yang dilukis berdasarkan pengembaraannya, sesuatu yang luar biasa untuk seorang wanita pada zamannya.

Imej Bergerak

Sungguhpun tayangan awam pertama filem asing bermula di Singapura seawal akhir 1890-an, 1930-an menandakan kebangkitan filem-filem buatan tempatan. Imej-imej bergerak awal ini menggambarkan kisah-kisah menarik tentang perjuangan moral, pencarian identiti dan drama kehidupan seharian di Singapura yang kosmopolitan. Ini menjadikan filem sebagai satu bentuk hiburan yang berpengaruh dan ungkapan budaya yang penting. Elemen visual dalam penghasilan filem—reka bentuk set, poster, tajuk filem dan pementasan—dan penggabungan muzik memainkan peranan penting dalam membentuk naratif yang boleh berbicara kepada pelbagai lapisan penonton.

B.N. Rao

(l. 1908, India; m. 1998, India)

Petikan daripada *Laila Majnun*
1962

Filem, 35mm, video definisi standard, saluran tunggal, nisbah bidang 4:3, hitam-putih dan bunyi (mono), 13 min 23 saat

Dihasilkan di Singapura
Dalam bahasa Melayu, dengan sari kata Inggeris

Ihsan © Cathay-Keris Films Pte. Ltd.

Sumber: Arkib Filem Asia

Set ini ditunjukkan pada gelung berterusan.

Laila Majnun mengadaptasi kisah Arab-Parsi yang popular tentang dua sepasang kekasih yang bersatu walaupun melanggar jangkakan masyarakat. Ia adalah pembuatan semula filem *Laila Majnun* arahan B.S. Rajhan yang ditayangkan di Teater Marlborough di Beach Road pada 27 Mac 1934, dan dipercayai sebagai filem berbahasa Melayu tempatan pertama yang diterbitkan. Malangnya, seperti kebanyakan filem-filem awal di rantau ini, ia kini dianggap hilang dan tiada salinan yang diketahui masih ada.

Versi 1962 B.N. Rao mempersembahkan gaya visualnya yang mewah, yang menyatukan set pseudo-Arab dan tarian dengan pengaruh India, lalu digabungkan dengan runut bunyi lagu-lagu Melayu. Penggabungan pelbagai sumber budaya menunjukkan bahawa terdapat permintaan untuk budaya global yang ditafsirkan melalui lensa kedudukan unik Singapura.

P. Ramlee

(l. 1929, Malaysia; m. 1973, Malaysia)

Petikan daripada *Penarek Becha*

1955

8 min 53 saat

Dua petikan daripada *Pendekar Bujang Lapok*

1959

4 min 15 saat dan 6 min 11 saat

Petikan daripada *Ibu Mertua-ku*

1962

14 min 54 saat

Petikan daripada *Madu Tiga*

1964

15 min 49 saat

Dengan ihsan The Shaw Organization Pte. Ltd.

Semua filem: video definisi standard, saluran tunggal, nisbah bidang 5:4, hitam-putih dan bunyi (stereo). Dihasilkan di Singapura. Dalam bahasa Melayu, dengan sari kata Inggeris, kecuali *Penarek Becha*, iaitu dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dengan sari kata Inggeris. Set 55 minit ini berpusing setiap jam.

P. Ramlee ialah seorang pelakon, pembuat filem, penyanyi dan pencipta lagu yang karyanya meninggalkan kesan hebat dalam industri hiburan di Malaysia dan Singapura. Artis berbakat besar itu memberi sumbangan besar kepada perfileman Melayu. Beliau mengarah dan membintangi lebih daripada 60 filem, dan mendapat pujian yang meluas kerana keserbabolehannya dalam pelbagai genre, daripada komedi hingga melodrama. Antara filem paling ikoniknya termasuklah *Bujang Lapok* (1957) dan *Ibu Mertua-ku* (1962). Beliau juga mencipta lebih daripada 250 lagu, kebanyakannya dipaparkan dalam filemnya dan menjadi klasik dalam himpunan muzik Melayu. Keupayaan

Ramlee untuk menjalin hubungan dengan khalayak ramai melalui kisah kehidupan seharian, jenaka dan isu sosialnya telah mengangkatnya kepada status ikon di Asia Tenggara.

Komuniti dan Diri

Menjelang awal abad ke-20, cara-cara baharu untuk memaparkan masyarakat dan individu di Singapura telah muncul. Artis tempatan menggabungkan unsur-unsur lukisan dan fotografi untuk menghasilkan potret ekspresif untuk pelanggan-pelanggan yang rencam, merakamkan orang-orang biasa dan juga tokoh-tokoh terkemuka. Imej-imej ini menjadi popular dengan cepat sebagai sarana untuk gambaran diri dan kenangan. Pada masa yang sama, artis dari seluruh dunia tertarik ke Singapura; ramai yang datang untuk mengajar seni dan mencipta tempahan untuk ruang awam, mencerminkan kepelbagaian komuniti di pulau ini dalam karya mereka.

Pada tahun 1930-an, filem-filem panjang menjadi satu lagi ruang yang mengujakan untuk para pengarah, pereka set dan grafik, pelakon dan pemuzik berkumpul dan bercerita tentang masyarakat yang rencam ini. Dalam tempoh ini juga, pelbagai seni teks dan kaligrafi, serta reka bentuk telah memperkaya budaya material Singapura. Kepelbagaian perspektif dan bentuk ungkapan budaya ini mencipta landskap artistik yang bermacam-macam rupa dan bertenaga di sini.

Low Kway Song (刘溪松)

(l. 1889, Singapura; m. 1982, Singapura)

Potret Pasangan dengan Dua Anjing

Abad ke-20

Minyak dan pastel pada gambar

Lukisan Seorang Wanita

abad ke-20

Pastel di atas kanvas

Hadiah Hall of Phoenix and Peony

Koleksi Muzium Peranakan

2018-00365 | 2018-00344

Sultan di dalam Biliknya

c. 1930-an

Minyak dan pastel pada cetakan perak gelatin di atas kertas

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2020-00350

Dalam karya seni pertama kumpulan ini, potret pasangan dengan dua anjing mereka mencerminkan kesadaran tentang perwakilan diri dan keinginan yang muncul untuk gaya potret bersahaja dan santai yang boleh dibezakan daripada gaya yang lebih formal.

Potret-potret Low merakam contoh sebahagian masyarakat Singapura awal abad ke-20, daripada tokoh-tokoh negara kepada orang biasa. Beliau sering menggunakan pastel minyak dan cat untuk menambah warna pada gambar, satu teknik dari abad ke-19 untuk mewarnai gambar hitam putih dengan tangan.

Low Kway Song ialah seorang tokoh penting dalam pembangunan persada seni Singapura. Pada tahun 1911, beliau mengasaskan Raffles Art Studio, yang kemudiannya menjadi Empire Studio di Orchard Road pada tahun 1920. Studio popular itu menawarkan fotografi, lukisan potret, poskad gambar Singapura dan juga lukisan pemandangan set.

Bersama abangnya Kway Soo dan Kway Koh, Low aktif dalam Persatuan Lukisan Amatur, yang ditubuhkan pada tahun 1909. Beliau menjadi pengajar seni kehormat persatuan itu pada tahun 1911. Pengiktirafan beliau dalam komuniti seni dan pelbagai usaha artistik telah memberi peluang baginya mendapatkan tempahan berprestij, termasuk potret Ratu Elizabeth II yang dipersembahkan kepada Pemerintah Melaka pada Hari Pertabalan pada tahun 1953.

Artis tidak diketahui

Potret Pendeta James Arumugam Supramaniam

c. 1916

Cetakan perak gelatin diwarnai tangan di atas kertas

Potret Harriet Navamani Supramaniam (née Joseph)

c. 1916

Cetakan perak gelatin diwarnai tangan di atas kertas

Hadiah Dato Paul Supramaniam, James Timothy Supramaniam
dan Matthew Supramaniam

Koleksi Galeri Nasional Singapura

Gambar-gambar pasangan Tamil-Kristian yang diwarnai tangan ini merupakan contoh penggunaan fotografi yang popular oleh pelbagai masyarakat di Singapura dan mungkin digunakan sebagai objek kenang-kenangan oleh keluarga mereka. Pendeta Supramaniam dilahirkan pada tahun 1880 di Jaffna, Ceylon, dan berketurunan Keluarga Diraja Jaffna. Selepas tiba di Singapura pada tahun 1892, beliau menjadi seorang tokoh terkemuka dalam masyarakat, dan terkenal dengan peranannya sebagai paderi Methodist, guru besar dan pengawas daerah sekolah-sekolah di seluruh Tanah Melayu. Bersama isterinya, Harriet Supramaniam (*née Joseph*), mereka sering melawat orang sakit dan memerlukan dalam kalangan jemaah mereka.

Soo Pun Ting (苏彬庭)

(l. tidak diketahui; m. tidak diketahui, Singapura)

Potret Seet Hoot Kee

1917

Minyak di atas kanvas

Koleksi peribadi

Kehadiran Soo Pun Ting dalam persada seni awal Singapura diketahui sebahagian besarnya melalui iklan akhbar untuk pelajaran melukis di studionya, yang ditempatkan seawal tahun 1906. Di sini, beliau memperingati Seet Hoot Kee (薛佛记, 1793–1847), seorang pemimpin masyarakat Hokkien kelahiran Melaka, yang terkenal dan dermawan di Singapura. Dalam lukisan itu, Seet digambarkan dalam gaya seorang sarjana sastera Cina sambil memegang kipas, yang melambangkan pendidikan dan prestij. Seet membantu menubuhkan kuil perkuburan Heng San Teng, yang mendahului persatuan suku Hokkien.

"Saya terpesona dengan Timur, terpesona dengan pergerakannya, tidak dapat menahan untuk mengecam pengaruh barat yang cenderung menghapuskan keindahan semula jadinya."

Dora Gordine, "Dalam Arca di Attap Studio," *The Straits Times*, 1930.

Dora Gordine terkenal dengan karya-karya figuratif gangsa, lukisan dan gambar. Seorang artis yang belajar sendiri, beliau menerima pengiktirafan pada awal kerjayanya, dengan pameran di Pavilion British di Pameran Antarabangsa Seni Hiasan dan Industri Moden 1925 di Paris. Pada tahun 1930, Gordine telah dijemput oleh penasihat kolonial Roland Braddell untuk melawat British Malaya, dan akhirnya membuka studionya di Johor Bahru. Beliau menerima tempahan setahun selepas itu untuk menghasilkan arca untuk Bangunan Perbandaran di Singapura (kemudian dinamakan Dewan Bandaraya, dan hari ini sebahagian daripada Galeri Nasional Singapura), mencipta tiga buah patung dalam satu siri: *Kepala Seorang India*, *Kepala Seorang Melayu* dan *Kepala Seorang Cina*. Patung-patung ini sekarang dipamerkan di Dewan Parlimen.

Gordine cemerlang dalam lukisan, menggambar dan membuat arca. *Kepala Seorang Cina* menunjukkan kontur terperinci dan patina unik yang menjadi ciri arca-arcanya.

Ciri-ciri patung mencerminkan anggapan yang meluas mengenai fisionomi Asia pada masa itu. Gambaran jenis etnografi umum juga mencerminkan pandangan eksotik penduduk tempatan yang sering diterima pakai oleh artis dan penulis Eropah. Karya ini serupa dengan kumpulan patung yang dikategorikan menurut etnik oleh Gordine untuk Bangunan Perbandaran Singapura pada tahun 1931.

Richard Walker
(l. 1896, United Kingdom; m. 1989, United Kingdom)

Jakis, Penjual Sarung

Tidak bertarikh
Minyak di atas papan

Hadiah penderma tanpa nama
Koleksi Galeri Nasional Singapura
2011-01731

Potret terperinci ini menggambarkan Jakis, seorang penjual sarung, yang merenung ke jauh. Richard Walker merakam mutu bahan sarung dan penutup kepala Jakis sambil mempersembahkan rupa Jakis dengan perincian yang realistik. Sebagai sarjana seni pertama sekolah Pemerintahan Inggeris tempatan dan Penguasa Seni, Walker memberi pelajar-pelajar asas yang kukuh dalam lukisan minyak dan cat air.

Rudolfo Nolli
(l. 1888, Itali; m. 1963, Itali)

*Ukiran Timbul dari Bangunan Medeiros, Cecil Street:
Perdagangan*

1937
Simen Portland putih dengan agregat

Hadiah Alex Kwok sebagai penghormatan kepada bapa saudaranya Dr. Kenson Kwok
 Koleksi Galeri Nasional Singapura
 2016-00367

Dari 1921 hingga 1956, pengukir Itali Rudolfo Nolli berpangkalan di Singapura.

Beliau mencipta banyak ukiran timbul untuk muka bangunan, termasuk bekas Mahkamah Agung dan Dewan Bandaraya—bangunan yang membentuk Galeri Nasional Singapura sekarang.

Perdagangan adalah sebahagian daripada siri ukiran timbul yang menghiasi bahagian luar Bangunan Medeiros di Daerah Pusat Perniagaan Singapura. Ukiran timbul ini mewakili industri utama pada masa itu: pertanian, perkapalan, pembinaan dan elektrik.

Gao Junbai (高俊百)
 (l. tidak diketahui; m. tidak diketahui)

Papan Tanda Kayu khusus untuk Ng Sen Choy

1939

Kayu

Koleksi Muzium Tamadun Asia
 W-0276-E

Tulisan kaligrafi pada papan tanda ini meraikan Ng Sen Choy (伍榮才), seorang ahli perniagaan tempatan yang menerima pingat pujian daripada pemerintah British pada tahun 1938 menerusi sumbangannya. Meneruskan amalan yang biasa di China, pemilik perniagaan dan pemimpin masyarakat Cina sering mengupah artis yang mahir untuk menulis pada panel kayu atau papan tanda untuk perniagaan, kedai-kedai dan kuil-kuil.

Lim Chu Suan (林子瑄)
(l. 1907, China; m. 1966, Singapura)

Aspirasi

1939

Dakwat Cina di atas kertas

Koleksi keluarga artis

Lim Chu Suan menggunakan kaligrafi Cina untuk merakam pengamatan terhadap perjalanan peribadinya dari muda hingga dewasa.

Wong Jai Ling (黄载灵)
(l. 1895, China; m. 1973, Singapura)

Bunga Plum Putih (dengan kolofon)

1945–1955

Dakwat dan warna pada kertas beras

Hadiah Puan Ng-Lim Chong Quek
Koleksi Galeri Nasional Singapura
2004-00531

Lukisan bunga plum ini menampilkan 21 kolofon puitis yang telah ditambah sepanjang satu dekad.

Chern Yet Siew (陈月秀)
(l. 1911, China; m. 2002, Singapura)

Rangkap Dwibaris dalam Palitan Bulat Berus

1938

Dakwat Cina di atas kertas

Koleksi Galeri Nasional Singapura
1994-05080

Karya ini adalah percubaan Chern Yet Siew menulis kaligrafi kursif, atau caoshu (草书), yang terkenal dengan palitan yang longgar dan mengalir. Prosa tersebut menggambarkan sebuah rumah yang tenang dikelilingi oleh bunga-bunga mekar. Beliau seorang ahli kaligrafi dan pelukis yang mahir dan turut mempromosikan pendidikan seni di Singapura. Beliau ialah salah seorang ahli pertama Persatuan Seniman Cina Singapura dan telah mengajar di pelbagai sekolah, termasuk Sekolah Menengah Perempuan Nanyang.

Membayangkan Negara

Apakah rupa seni dari Singapura?

Singapura yang pernah menjadi sebahagian daripada Kesultanan Johor, telah dimasukkan ke dalam konsep Nanyang Cina (bermaksud “Laut Selatan”) bersama-sama maritim Asia Tenggara. Kemudian, ia diserap ke dalam Tanah Melayu British dan menjadi sebahagian daripada Malaysia pada tahun 1963 sebelum mencapai kemerdekaan pada tahun 1965. Sepanjang peralihan ini, artis-artis terus menggambarkan ciri-ciri unik orang, landskap dan budayanya, serta rasa kekitaan mereka sendiri terhadap tempat ini.

Tahun 1930-an menyaksikan penubuhan sekolah khusus seperti Akademi Seni Halus Nanyang yang menawarkan pelajaran formal untuk bakal artis. Persatuan-persatuan seni muncul sebagai ruang penting untuk pembelajaran, bimbingan dan, yang paling penting, mempamerkan dan menjual karya. Di samping prasarana yang semakin berkembang ini ialah keperluan mendesak untuk mentakrifkan

peranan seni dalam masyarakat yang berubah dengan pantas. Ketika Singapura bergelut dengan persoalan identiti dan penentuan nasib sendiri, para artis bukan sahaja mengungkapkan visi individu mereka tetapi juga menyumbang kepada pencarian identiti kebangsaan yang bergema di peringkat tempatan dan serantau.

Galeri Liu Kang memperingati artis Liu Kang dan peranannya dalam pembangunan seni moden di Singapura. Pada Mei 2003, Liu Kang (1911–2004) dan isterinya, Chen Jen Pin (1913–2009), menderma lebih daripada seribu karya kepada Koleksi Nasional

Singapura, menjadi sumbangan terbesar karya milik seorang artis yang pernah dibuat kepada negara ini.

Xu Beihong (徐悲鸿)

(l. 1895, China; m. 1953, China)

Potret Lim Loh

1927

Minyak di atas kanvas

Hadiah Keluarga Lim untuk mengenang Lim Loh

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2008-06607

Potret ini menggambarkan Lim Chee Gee—juga dikenali sebagai Lim Loh—seorang ahli perniagaan yang berjaya dari Singapura dan bapa kepada wira perang Singapura Lim Bo Seng (1909–1944).

Xu Beihong dianggap sebagai salah seorang artis terpenting dalam seni China moden pada abad ke-20, dan merupakan salah seorang artis China terawal yang berlatih di Eropah.

Potret-potret Xu mencerminkan penaung berpengaruh dan lingkungan sosial yang menyokong usaha seninya semasa lawatannya ke Tanah Melayu pada akhir 1930-an.

Tchang Ju Chi (张汝器)

(l. 1904, China; m. 1942, Singapura)

Budak India

1939

Minyak di atas kanvas

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2021-00081

Karya ini mencerminkan minat Tchang Ju Chi dalam menggambarkan kepelbagaian budaya di Singapura. Tchang berkhidmat sebagai Naib Presiden Persatuan Seniman Cina, memainkan peranan penting dalam membentuk landskap seni Tanah Melayu. Persatuan itu menganjurkan pameran Xu Beihong semasa lawatan Xu ke Singapura pada tahun 1939. Pada tahun yang sama, Xu mencipta potret isteri Tchang dan anak perempuan Tchang bertajuk *Ibu dan Anak Perempuan*.

Lee Cheng Yong (李清庸)

(l. 1913, Malaysia; m. 1974, Malaysia)

Potret Diri

1939

Minyak di atas kanvas diletakkan di atas papan

Koleksi Linda Neo dan Albert Lim

Yong Mun Sen (杨曼生)

(l. 1896, Malaysia; m. 1962, Malaysia)

Di Permainan Catur

1936

Minyak di atas kanvas

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2021-00078

Karya seni ini mempamerkan kepelbagaian cara artis-artis yang bekerja di Malaya menterjemahkan naratif tempatan ke atas kanvas. Lee Cheong Yong dan Yong Mun Sen memainkan peranan penting dalam memupuk komuniti seni yang bertenaga menerusi persatuan-persatuan seperti Persatuan Seni Yin Ying dan Persatuan Seniman Cina. Kumpulan-kumpulan ini terlibat dengan penduduk dan landskap Asia Tenggara, mengalu-alukan artis-artis yang belajar sendiri dan terlatih di institusi.

Georgette Chen (张荔英)

(l. 1906, China; m. 1993, Singapura)

Potret Keluarga

c. 1954–1955

Minyak di atas kanvas

Hadiah dari estet artis

Koleksi Galeri Nasional

Singapura 1994-04123

Potret Keluarga ialah karya terbesar yang disiapkan

Georgette Chen selepas ketibaannya di Tanah Melayu pada tahun 1951. Potret yang meraikan kemesraan rakan-rakan yang dikasihi ini juga mencerminkan minat Chen dalam menggambarkan orang biasa dalam seninya— mempersembahkan imej keluarga moden rapat, yang dekat pada para pemerhati.

Georgette Chen (张荔英)
(l. 1906, China; m. 1993, Singapura)

Potret Diri

c. 1946

Minyak di atas kanvas

Hadiah Yayasan Lee

Koleksi Galeri Nasional Singapura

P-0817

Dilukis di Paris selepas Perang Dunia Kedua, *Potret Diri*

Georgette Chen menunjukkan dedikasinya terhadap kerjaya seninya. Pandangannya yang tajam bertemu penonton secara langsung, menampilkan dirinya sebagai seorang artis moden yang berkeyakinan diri.

Chen berpindah ke Pulau Pinang pada 1951 dan akhirnya menetap di Singapura pada 1954. Beliau mendedikasikan sisa hidupnya untuk mengajar dan membimbing artis-artis muda, dan mengembangkan amalan artistiknya, yang diperoleh daripada latihannya di Perancis dan Amerika Syarikat.

Liu Kang (刘抗)
(l. 1911, China; m. 2004, Singapura)

Selepas Kebakaran II

1951
Minyak di atas kanvas

Bekerja di Kilang Bata

1954
Minyak di atas kanvas

Hadiah keluarga artis
Koleksi Galeri Nasional Singapura
2003-03336 | 2003-03255

Karya-karya ini mencerminkan minat Liu Kang dalam pembinaan semula pasca Perang Dunia Kedua pada tahun 1950-an, khususnya melalui lensa industri dan buruh. Dalam *Bekerja di Kilang Bata*, asap kilang di latar belakang menunjukkan skala pengeluaran, manakala Liu membawa perhatian pemerhati kepada pekerja di latar depan. *Selepas Kebakaran II* nampaknya merujuk kepada kebakaran yang dahsyat di Kilang Getah Aik Hoe pada tahun 1950.

"本来， 艺术的感应力是没有国界的。艺术是一个人向着人类心灵的未知世界所探讨的。最高成就便是全人类的共同的心声。"

"Kekuatan seni tidak mengenal sempadan negara. Seni ialah produk penerokaan seseorang terhadap dunia jiwa yang tidak diketahui. Pencapaian tertingginya adalah untuk mewakili sentimen bersama semua umat manusia."

Liu Kang, Liu Kang: Karangan Seni & Budaya, 2011.

Liu Kang mempelajari seni di Shanghai dan Paris sebelum menetap di Singapura pada tahun 1937. Asas kukuh dalam lukisan ini—termasuk warna emotif dan goresan ekspresif pasca-impresionisme—membentuk gaya ciri Liu, yang menampilkan warna terang, bentuk ringkas dan subjek dunia sebenar. Perjalanan luas Liu di Asia Tenggara mempengaruhi penggunaan motif budaya dan perasaan nostalgia untuk subjek luar bandar.

Liu berkhidmat sebagai Presiden Persatuan Seniman Cina dan Persatuan Seni Singapura, dan mengajar di sekolah bahasa Cina di Singapura.

Mohammed Salehuddin
(l. 1914, Malaysia; m. 1982, Malaysia)

Rumah Melayu, Melaka

c. 1960

Minyak di atas kanvas

Koleksi Galeri Nasional Singapura
2014-01431

Mohammed Salehuddin ialah ahli pengasas Persekutuan Pelukis Melayu Malaya pada tahun 1949. Persatuan ini membuka jalan untuk inisiatif-inisiatif masa hadapan yang menyokong dan memupuk generasi muda artis Melayu.

Dengan memaparkan manusia dan alam sekitar wujud dalam harmoni, Salehuddin meluahkan pandangan romantis terhadap kehidupan luar bandar. Beliau merakamkan ciri-ciri unik sebuah rumah gaya Melaka yang megah, dengan tangga hadapannya yang beradun, dihiasi dengan jubin seramik yang diimport.

S. Mahdar
(l. 1934, Singapura; m. tidak diketahui)

Anak Layar

1957

Pensel di atas kertas

Perjuangan di Malaya

1951

Pensel di atas kertas

Still Life – Pasu, Sengkuang dan Tomato

1947

Minyak di atas kanvas

Hadiah Loke Wan Tho

Koleksi Galeri Nasional Singapura

P-0054 | P-0063 | P-0034

“Tetapi, siapa kerja keras-keras, siapa rajin menggambar, dia akan menjadi pelukis atau artis.”

S. Mahdar, “Tunas selukis ‘60,” Berita Harian, 1960.

Bakat S. Mahdar terserlah sejak kecil lagi. Pada tahun 1953, pada usia sembilan tahun, karya beliau telah dipaparkan dalam pameran untuk artis muda anjuran Persekutuan Pelukis Melayu Malaya. Mahdar tidak lama kemudian menjadi terkenal dengan rasa empati dan naturalisme yang terlihat dalam lukisannya. Menjelang 1950-an dan 1960-an, Mahdar merupakan seorang tokoh yang mapan dalam komuniti seni. Beliau juga memainkan peranan penting sebagai mentor kepada artis muda Melayu, mengajar di pelbagai tempat dan keadaan. Beliau menjadi mentor Tunas ‘60, sebuah komuniti artis muda Melayu.

Karya-karya ini mempamerkan pencapaian artistik S. Mahdar dalam menggambar dan lukisan. *Anak Layar*, satu potret introspektif, telah dipamerkan di *Pameran Karya Seniman Tempatan ke-8*, yang dianjurkan oleh Persatuan Seni Singapura pada tahun 1957. Potret itu menyerlahkan kemahiran teknikal Mahdar melalui penggunaan “shading” dan kejelasan garisan yang berkesan. Di samping adegan kehidupan seharian dan manusia, lukisan alegori *Perjuangan di Malaya* menunjukkan kepercayaan Mahdar terhadap seni sebagai cara untuk mencerminkan kebimbangan masyarakat.

Lim Hak Tai (林学大)
(l. 1893, China; m. 1963, Singapura)

Pekerja India Menebang Hutan

1955

Minyak di atas papan

Koleksi Galeri Nasional Singapura
P-0968

Dalam karya ini, Lim Hak Tai menggambarkan sekumpulan buruh yang sedang menebang hutan tebal. Tumpuannya terhadap buruh dan industri mencerminkan minat yang lebih luas dalam merakamkan realiti kehidupan di Tanah Melayu, melangkaui pemandangan tropika yang indah.

Lim ialah pengetua pengasas Akademi Seni Halus Nanyang, dan telah menulis satu esei pada tahun 1955 menegaskan bahawa

seni harus mencerminkan keperluan masyarakat dan memaparkan aspek unik kehidupan dan budaya Tanah Melayu. Tokoh-tokoh terkemuka yang lain di Akademi—seperti Georgette Chen dan Chen Wen Hsi— menerima cita-cita ini dan menurunkannya kepada generasi baharu artis Singapura. Kepelbagaian gaya dan ekspresi bertenaga artis-artis ini dan pelajar-pelajar mereka akhirnya dikenali sebagai seni Nanyang.

Tay Boon Pin (郑文彬)

(l. 1936, Indonesia; m. 2020, Singapura)

Pekerja Berehat

Tidak bertarikh

Minyak di atas kanvas

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2012-00277

Seorang ahli Persatuan Seni Khatulistiwa, karya Tay Boon Pin mencerminkan komitmen kumpulan tersebut untuk mengetengahkan kehidupan harian rakyat biasa. Dalam *Pekerja Berehat*, beliau merakamkan pemandangan yang sunyi, menggambarkan pekerja buruh pada waktu rehat. Tay menggunakan warna lembut untuk menggambarkan secara terperinci ekspresi pekerja, sebagai cerminan pengalaman individu mereka.

Chua Mia Tee (蔡名智)
(l. 1931, China)

Puisi Epik Tanah Melayu

1955

Minyak di atas kanvas

Karya ini telah diterima pakai secara kolektif oleh penyokong
[Adopt Now].

Ihsan Lembaga Warisan Negara, Singapura.

© Chua Mia Tee dan keluarga

Kelas Bahasa Kebangsaan

1959

Minyak di atas kanvas

Hadiah Persatuan Seni Khatulistiwa

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2006-01219 | P-0145

“寻找题材，是画家借以表达思想感情的过程。找什么题材？这就要看看作眩，寻作眩，就作眩中可作耶和华哪一些生活。换句话说，哪一些生活曾经牵动过作者的思想感情，感动过作者的，那就是好的、有意义的、值得一画的题材。”

“Kandungan apakah yang perlu diberi perhatian? Perkara yang perlu diselesaikan bergantung pada aspek kehidupan yang sudah biasa kepada artis yang telah mendalami penglibatan sosialnya. Dalam erti kata lain, perkara yang memberi kesan mendalam kepada artis secara intelektual dan emosi akan menjadi subjek yang baik, bermakna dan wajar dilukiskan.”
Chua Mia Tee, pameran Chua Mia Tee, 1958/2015.

Chua Mia Tee muncul sebagai tokoh terkemuka dalam generasi artis pasca Perang Dunia Kedua di Singapura. Chua menganjurkan tujuan seni yang lebih langsung. Dengan kepercayaan bahawa seni boleh meningkatkan masyarakat, Chua mengasaskan Persatuan Seni Khatulistiwa. Sebagai tokoh terkemuka Persatuan, beliau menulis secara meluas tentang keperluan untuk menyerlahkan keadaan kelas pekerja melalui realisme sosial. Seninya mewujudkan visi ini melalui gambaran realistik yang meluahkan rasa empati terhadap segmen masyarakat yang diabaikan seperti golongan buruh. Walaupun kumpulan itu dibubarkan pada tahun 1974, karya Chua mencerminkan suatu tempoh ketika artis-artis berkumpul untuk menangani ketidakadilan sosial dan politik, di samping pencarian identiti Singapura selepas kemerdekaan daripada British, dan seterusnya, dari Tanah Melayu.

Puisi Epik Tanah Melayu sarat dengan kepentingan politik, menggambarkan seorang pemuda membaca puisi nasionalistik kepada sekumpulan rakan pelajar. Ini berlaku berlatarbelakangkan gumpalan awan mendung yang meningkatkan rasa ketegangan dan perubahan yang akan berlaku.

Manakala *Kelas Bahasa Kebangsaan* pula menggambarkan sekumpulan pelajar dan guru mereka dalam kelas Bahasa Melayu. Ayat di papan hitam, “Siapa nama kamu?” menyoroti bagaimana bahasa membantu membentuk identiti. Selepas mencapai kemerdekaan daripada penjajahan, pemupukan “budaya Malaya” dilihat sebagai satu cara untuk menyatukan masyarakat.

Lee Boon Wang (李文苑)
(l. 1934, China; m. 2016, Singapura)

Petani Tenusu Potong Pasir

1958

Minyak di atas kanvas

Koleksi Galeri Nasional Singapura
2014-01441

Dengan latar belakangnya yang gelap, perincian yang sangat realistik dan pembingkai subjek yang rapat, *Petani Tenusu Potong Pasir* oleh Lee Boon Wang menjemput kita untuk merenungkan martabat tenang subjeknya sambil mengiktiraf kesan fizikal dan emosi daripada pekerjaan buruh kasar. Potret itu membangkitkan gaya potret awal abad ke-19 yang secara konvensional dikhaskan untuk penaung-penaung kaya.

Koeh Sia Yong (许锡勇)

(l. 1938, Singapura)

Belajar di Khatulistiwa

1966

Minyak di atas kanvas

Orkestra dalam Persatuan Seni Khatulistiwa

1968

Minyak di atas kanvas

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2010-00391 | 2009-01620

Karya Koeh Sia Yong menawarkan gambaran sekilas berkenaan aktiviti Persatuan Seni Khatulistiwa, yang mana beliau adalah ahlinya. Kumpulan itu percaya dalam peranan seni untuk mencerminkan masyarakat dan mengangkat golongan yang kehilangan haknya, dan ia mempunyai sayap aktif untuk muzik, sastera dan teater.

Annaratnam Gunaratnam
(l. 1913, Malaysia; m. 2008, Switzerland)

Mavis

1953
Gangsa

Hadiah Sadhonadevi Gunaratnam
Koleksi Galeri Nasional Singapura
2017-00952

Pemerhatian tajam Annaratnam Gunaratnam pada perincian dan teknik yang kuat menghidupkan arca *Mavis*, daripada lipatan halus pakaian subjek hingga ekspresi halus pada raut wajahnya. Salah seorang pengukir wanita terawal Singapura, Gunaratnam lulus dari Kolej Seni dan Kraf di Madras sebelum datang ke Malaya, di mana beliau mengadakan pameran solo pertamanya pada tahun 1939.

Lim Cheng Hoe (林清河)
(l. 1912, China; m. 1979, Singapura)

Selendang Merah juga dikenali sebagai *Sadagopan*

1960
Cat air di atas kertas

Penumpuan

c. 1955–1960

Pastel di atas kertas

Atlet

1953

Pastel di atas kertas

Hadiah Encik Michael Lim Hock Ann

Koleksi Galeri Nasional Singapura

P-0766 | P-0775 | P-0777

Lim Cheng Hoe terkenal dengan cat air landskap yang indah, tetapi potretnya menunjukkan bahawa beliau juga mahir dalam merakam perincian realistik dan ekspresi bernuansa subjeknya. Seorang tokoh aktif dalam mentakrifkan kepentingan media cat air dalam persada seni Singapura yang bersemarak pada 1960-an, Lim mengasaskan Persatuan Cat Air Singapura pada 1969. *Selendang Merah*—mempamerkan subjek yang telah dikenal pasti sebagai seorang pemuda bernama Sadagopan—telah dipamerkan dalam pameran sulung Persatuan pada tahun 1972.

Sun Yee (沈雁)
(l. 1919, China; m. 2010, Singapura)

Ronggeng

1961
Dakwat di atas kertas

Tarian India

1960
Dakwat di atas kertas

Koleksi Galeri Nasional Singapura
2014-01321 | 2014-01320

Garisan Sun Yee yang halus dan tepat—ciri khas teknik lukisan biasa Cina (atau *baimiao*, 白描)—menggambarkan pergerakan penari secara halus dan menawan. Sun menerima latihan formal di Shanghai dan Tokyo dan mahir dalam kedua-dua dakwat dan lukisan minyak. Beliau meraikan budaya tempatan dalam set karya ini, justeru mencerminkan jalinan yang mendalam dengan tempat tinggal baharunya.

Sun mengasaskan Akademi Seni Singapura pada 1950-an dan berkhidmat sebagai pengetua selama dua dekad. Akademi itu menawarkan pengkhususan dalam seni visual, muzik, teater, kesusasteraan, fotografi dan filem. Walaupun beliau banyak menyumbang, Sun kekal sebagai artis yang kurang dikenali.

Lee Sow Lim (李少林)
(l. 1930, Malaysia)

Penyembah di Kuil

1961
Cetakan perak gelatin di atas kertas

Malam Krismas

1960
Cetakan perak gelatin di atas kertas

Koleksi Muzium Negara Singapura
2006-00093 | 2006-00095

Yip Cheong Fun (叶畅芬)
(l. 1903, Hong Kong; m. 1989, Singapura)

Sebelas Pelanggan

c. 1950-an
Cetakan perak gelatin di atas kertas

Koleksi Galeri Nasional Singapura
2021-00255

Gambar-gambar oleh Lee Sow Lim dan Yip Cheong Fun ini menekankan peranan penting fotografi dalam merakam dan mentafsir kekayaan dalam kepelbagaian kehidupan seharian di Singapura.

Dalam *Sebelas Pelanggan*, pandangan dari udara Yip menampilkan komposisi dinamik memaparkan pelanggan mengerumuni seorang penjaja jalanan. Sementara itu, Lee memanipulasi pendedahan untuk mencipta kesan cahaya dan suasana yang berlebihan. Kesan luar alam nyata ini meningkatkan rasa kerohanian *Malam Krismas*, yang mana lilin yang dinyalakan oleh para penyembah membangkitkan suasana bagaikan mimpi. Dalam *Penyembah di Kuil*, kepulan asap tebal membangkitkan rasa dan bau kemenyan.

Mencari Hubungan

Walaupun mereka menganggap Singapura sebagai tempat tinggal, para artis sering mengembara untuk mencari sumber inspirasi baharu untuk karya mereka. Perjalanan ini terbukti penting bagi mereka, berfungsi sebagai titik rujukan utama dalam pembangunan gaya peribadi mereka. Walaupun daya tarikan kepada budaya lain kadangkala membawa kepada paparan yang seakan indah khabar daripada rupa, keinginan untuk membina jalinan dengan budaya serantau—diterokai oleh kolektif tidak rasmi seperti Kumpulan Sepuluh Lelaki—membawa kepada gabungan bentuk, subjek dan sarana yang kaya. Ini mencerminkan bukan sahaja mobiliti para artis tetapi juga bagaimana Singapura tertanam kukuh di rantau Asia Tenggara yang lebih luas.

Menjelang tahun 1960-an, para artis sekali lagi menemui cara baharu untuk meneroka identiti Singapura dan kedudukannya di rantau ini. Mereka mula bereksperimen dengan lebih berani, terutamanya dengan konsep abstrak, merisik ilham melangkaui sempadan konvensional kedua-dua sarana dan perwakilan.

Chen Wen Hsi (陈文希)

(l. 1906, China; m. 1991, Singapura)

Wanita Bali

c. 1953

Minyak di atas kanvas

Koleksi Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Cina Singapura

Dalam karya ini, Chen Wen Hsi meluahkan minat mendalamnya terhadap seni bina, penduduk dan ritual di Bali. Terkenal sebagai gelaran syurga di Bumi sejak awal abad ke-20, tanggapan bahawa Bali yang tidak tercemar menarik perhatian artis yang mencari inspirasi dan melarikan diri daripada kehidupan moden.

Pada tahun 1952, Chen dan rakan artis Liu Kang, Chen Chong Swee dan Cheong Soo Pieng mengembara ke Indonesia untuk mencari pemandangan eksotik dan asing yang boleh mencetuskan imaginasi mereka. Dengan meletakkan wanita dan penjaga batu berukir (atau *bedogol*) bersebelahan dalam komposisi rapat ini, Chen mencadangkan bahawa kerohanian dan ritual adalah penting dalam kehidupan di Bali.

Cheong Soo Pieng (钟泗滨)

(l. 1917, China; m. 1983, Singapura)

Gadis Bali

1954

Gouache di atas papan

Koleksi Angie dan Ong Yew Huat

Penggunaan warna jingga dan hitam untuk menggambarkan warna kulit dalam lukisan ini menunjukkan bahawa Cheong Soo Pieng mengutamakan ekspresi artistik daripada pantulan realiti yang jitu. Selepas pengembaraannya ke Indonesia, Cheong menghasilkan versi yang berbeza bagi gubahan ini sepanjang hayatnya—menampilkan dua wanita yang anggota badannya memanjang dan profil ratanya menyerupai bentuk wayang kulit. Penggayaan ini menjadi ciri khasnya untuk memaparkan budaya Asia Tenggara.

Liu Kang (刘抗)

(l. 1911, China; m. 2004, Singapura)

Pekerja Batik

1954

Minyak di atas kanvas

Hadiah Loke Wan Tho

Koleksi Galeri Nasional Singapura

P-0197

Pada tahun 1952, Liu Kang mengembara melalui Indonesia bersama rakan-rakan artis Cheong Soo Pieng, Chen Chong Swee dan Chen Wen Hsi, untuk mempelajari tentang kepelbagaian masyarakat dan budaya di Nusantara. Dalam perjalanan mereka, mereka melawat kilang batik di Jakarta, di mana Liu menghasilkan banyak pengamatan dan lakaran yang menjadi asas kepada lukisan ini.

Liu Kang (刘抗)
(l. 1911, China; m. 2004, Singapura)

Artis dan Model

1954

Minyak di atas kanvas

Hadiah Kumpulan Syarikat Shell, Singapura

Koleksi Galeri Nasional Singapura

P-1070

Dalam lukisan ini, Liu Kang menggambarkan rakan artis Chen Wen Hsi sedang melakar seorang model semasa mereka berada di Indonesia. Suasana yang santai dan terkawal, digabungkan dengan pengaturan kontras wanita yang setengah berpakaian itu dengan artis yang memerhati, menawarkan peluang unik untuk merenungkan proses penciptaan artistik.

Walau bagaimanapun, ini juga menimbulkan persoalan tentang bagaimana lukisan itu dicipta. Bagaimanakah subjek diatur dan adakah mereka mempunyai hak bersuara dalam cara mereka dipaparkan? Bagaimanakah karya seni dibentuk oleh pandangan dan tafsiran artis?

Chen Cheng Mei (陈城梅)

(l. 1927, Singapura; m. 2020, Singapura)

Membaiki Jaring

1960

Minyak di atas kanvas

Hadiah penderma tanpa nama

Perincian Angkor Wat II

1962

Minyak di atas kanvas

Hadiah artis

Pemandangan Pasar, Sri Lanka

1975

Minyak di atas kanvas

Gadis Bali

1962

Minyak di atas kanvas

Hadiah penderma tanpa nama

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2008-06715 | 2008-06613 | 2021-00004 |

2008-06702

“Pengetahuan tentang kepelbagaian warna dan ton adalah penting untuk menghasilkan kecantikan dalam karya seni, manakala banyak latihan dalam lakaran dan kaligrafi diperlukan untuk melukis garisan yang baik.”

Chen Cheng Mei, "Meluahkan Kehidupan," Kesan Berkekalan, 2004.

Chen Cheng Mei, yang berlatih di Akademi Seni Halus Nanyang, ialah seorang ahli penting Kumpulan Sepuluh Lelaki.

Mengingkari jangkaan masyarakat terhadap wanita pada masa itu, beliau mengembara secara meluas dan melakukan perjalanan sendiri ke tempat-tempat seperti Mexico, Papua New Guinea dan Kenya. Perjalanan beliau mempengaruhi pelbagai subjek dan penerokaan motif dan warna dalam karyanya.

Chen menggunakan pelbagai bahan untuk mencipta tekstur dan dimensi dalam karyanya. Minatnya dalam bentuk yang bersih dan bahagian-bahagian warna yang berbeza juga

mencerminkan kemahirannya sebagai pembuat cetakan, yang beliau pelajari di Atelier 17 yang berpengaruh di Paris 1969.

Mencedok pengalaman sepanjang pengembaraannya merentasi Asia Tenggara, lukisan-lukisan oleh Chen ini memancarkan kesemarak tenaga penduduk dan tempat yang ditemuinya. Beliau juga gigih berusaha untuk menyampaikan kekhususan bahan dan budaya global yang ditemuinya.

Pemandangan Pasar, Sri Lanka mempamerkan kemahiran beliau dalam menyuling intipati kehidupan seharian. Chen menggunakan rona-rona coklat hangat dan kuning keemasan untuk menggambarkan figura-figura pusat dan bakul-bakul mereka, yang berbeza dengan latar belakang biru muda.

Yeh Chi Wei (叶之威)

(l. 1913, China; m. 1981, Malaysia)

Untitled (Sabung Ayam)

Tidak bertarikh

Minyak di atas kanvas

© Yeh Toh Yen

Arca Angkor

1963

Minyak di atas kanvas

Hadih Loke Wan Tho

Danau Toba

c. 1970

Minyak di atas kanvas

Koleksi Galeri Nasional Singapura

P-0752 | P-0185 | 2000-00128

Yeh Chi Wei menghabiskan zaman kanak-kanaknya di Sibu, di negeri Sarawak, Malaysia, sebelum kembali ke China untuk mendalami seni pada tahun 1925. Yeh dianggap sebagai ketua Kumpulan Sepuluh Lelaki, kolektif artis tidak rasmi yang menganjurkan lawatan merentasi Asia Tenggara pada tahun 1960-an. Semasa perjalanan ini, mereka melakar dan memerhatikan seni bina, persekitaran dan kehidupan seharian masyarakat tempatan. Mempercayai bahawa para artis boleh memupuk identiti bersama di rantau ini dengan meneroka kepelbagaian budaya Asia Tenggara dalam karya mereka, Yeh menubuhkan Persatuan Seni Asia Tenggara pada tahun 1970.

Karya Yeh mula mendapat lebih perhatian pada tahun 1960-an dan awal 1970-an. Walaupun begitu, pada akhir 1970-an, Yeh telah berundur dari persada seni dan berpindah ke Malaysia, di mana beliau meninggal dunia pada tahun 1981.

Sebagai pemerhati yang teliti terhadap budaya material Asia Tenggara dan pengumpul objek yang pelbagai daripada pengembaraannya, Yeh Chi Wei memasukkan unsur-unsur daripada tekstil dan ukiran asli ke dalam karyanya.

Menimbulkan rasa keabadian dan sejarah yang mendalam, pendekatan ini membolehkan Yeh meluahkan ketertarikannya kepada monumen-monumen purba dan budaya yang luas di rantau ini.

Danau Toba Yeh menunjukkan keupayaannya untuk menangkap landskap besar dalam format panorama yang unik ini. Beliau mentakrifkan rupa bumi yang luas melalui bentuk dan warna yang bertindih, dengan jelas menyatakan kontur topografi rupa bumi.

Lim Tze Peng (林子平)

(l. 1921, Singapura; m. 2025, Singapura)

Landskap Berbatu

c. 1950-an–1960-an

Minyak di atas kanvas

Hadiah artis

Koleksi Galeri Nasional Singapura

1999-00009

Dikenali secara meluas untuk lukisan-lukisan dakwatnya yang ekspresif dan terperinci, Lim Tze Peng, artis berusia seabad ini turut meneroka medium lukisan minyak pada awal 1950-an dan 1960-an. Di sini, beliau merakamkan keberadaan formasi berbatu yang mengagumkan. Lim mewujudkan bayangan satu struktur besar dengan mengumpulkan pelbagai batu. Pilihan komposisi ini menyerlahkan kehebatan landskap.

Lim mengiringi kolektif artis tidak rasmi, Kumpulan Sepuluh Lelaki, dalam beberapa perjalanan serantau mereka pada 1960-an dan 1970-an, menghasilkan karya dalam minyak dan dakwat yang mencerminkan pemerhatian dan pengalamannya.

Lee Man Fong (李曼峰)
(l. 1913, China; m. 1988, Indonesia)

Pelukis Melukis

1957

Minyak di atas papan

Koleksi Galeri Nasional Singapura
2005-01288

款式：一九五七年十月，偕独峰、德贵、曼雄又作峇里游，寫
画中人作悬崖古女

Inskripsi:

Pada Oktober 1957, saya mengembara ke Bali sekali lagi dengan Dufeng, Degui dan Manxiong, dan menggambarkan orang-orang yang melukis tebing-tebing purba dan indah. Man Fong.

Lai Foong Moi (赖凤美)

(l. 1931, Malaysia; m. 1995, Singapura)

[Tidak bertajuk] (*Perkampungan Nelayan*)

1961

Minyak di atas kanvas

Koleksi peribadi

Karya Lai Foong Moi yang terperinci ini mempamerkan penggunaan warna yang berani dan keupayaannya meringkaskan bentuk untuk menyatakan intipati subjeknya. Lukisan ini dicat berikutan lawatannya ke Malaysia pada tahun 1961 dengan Kumpulan Sepuluh Lelaki. Dilatih di Akademi Seni Halus Nanyang di Singapura dan Sekolah Seni Halus Nasional yang berprestij di Paris, Lai kembali ke Singapura pada tahun 1954, di mana dia mendedikasikan amalan seninya untuk menggambarkan pemandangan kehidupan seharian.

Shui Tit Sing (许铁生)

(l. 1914, China; m. 1997, Singapura)

Rumah Panjang

1980

Kayu jati

Koleksi Galeri Nasional Singapura

ASB-0035

Shui Tit Sing mengiringi kolektif artis tidak rasmi, Kumpulan Sepuluh Lelaki, dalam beberapa perjalanan serantau mereka pada tahun 1960-an dan 1970-an. Pengalaman ini membentuk sebahagian besar amalannya, kerana beliau meluahkan nostalgia terhadap kesederhanaan dan komuniti kehidupan luar bandar di Asia Tenggara melalui medium pilihannya, iaitu arca kayu jati.

Keperincian rumit *Rumah Panjang* mengundang pemerhati untuk menerokai pelbagai aspek kehidupan kampung. Shui mengimbangi keseronokan dan pemikiran, menggunakan satah menegak dan mendatar untuk mencipta kedalaman dan rasa pergerakan. Mengukir lubang dengan teliti pada kayu padat, beliau mencapai keseimbangan harmoni antara rasa berat dan ringan bahan.

Yan Fook Luen (甄福暖)
(l. tidak diketahui; m. tidak diketahui, Singapura)

Fajar Musim Bunga

1955

Cetakan perak gelatin di atas kertas

Hadiah Lee Sow Lim sebagai penghormatan kepada Yan Fook Leun

Koleksi Galeri Nasional Singapura

2018-01088

Lee Lim (李林)

(l. 1931, China; m. 1989, Singapura)

Tugas Pagi 《黎明即起灑扫》

c. 1970

Cetakan perak gelatin di atas kertas

款式：黎明即起灑扫 乙酉年夏李林

Inskripsi: Bangun pada waktu fajar untuk membersihkan dan menyapu. Musim panas tahun ini, yiyou. Lee Lim.

Pagi di Tebing Sungai 《沙池》

Tidak bertarikh

Cetakan perak gelatin di atas kertas

款式：沙池的早晨摄於星岛李林

Inskripsi: Pagi di lubang pasir, diambil di Singapura. Lee Lim.

Koleksi keluarga artis

Gambar-gambar ini mencerminkan pengaruh Piktorialisme—gerakan fotografi yang menekankan kesan estetik berbanding dokumentasi realiti. Idea piktorialis menjadi popular di Singapura pada tahun 1950-an, menawarkan alternatif kepada penggunaan fotografi sebagai alat rakaman. Beberapa karya ini

menyepadukan unsur lukisan Cina, seperti susun atur menegak dan penggunaan ruang negatif. Penataan subjek yang teliti melibatkan subjek, komposisi dan pemingkaian mencipta pemandangan Singapura yang menggami rasa dan romantis.

Cheong Soo Pieng (钟泗宾)

(l. 1917, China; m. 1983, Singapura)

Mengeringkan Ikan Masin

1978

Dakwat Cina dan cat air pada sutera

Hadiah Trans Island Bus Services Ltd.

Koleksi Galeri Nasional Singapura

1991-00343

Cheong Soo Pieng dengan mahir mengawal pencairan dakwat dan cat air dalam karya ini untuk menggambarkan pemandangan ini. Garis-garis halus dan dedaunan lebat membangkitkan gaya lukisan dakwat Cina klasik, manakala subjeknya jelas Asia Tenggara.

Karya ini dipaparkan di belakang wang kertas \$50 Singapura.

Chen Wen Hsi (陈文希)

(l. 1906, China; m. 1991, Singapura)

Dua Ungka di antara Tumbuhan Menjalar

c. 1980-an

Dakwat dan warna Cina di atas kertas

Hadiah Dr. Earl Lu

Koleksi Galeri Nasional Singapura

1993-00989

Untuk mencapai gambaran ungka yang hidup dalam lukisan ini, Chen Wen Hsi mengkaji dengan teliti ungka yang dipelihara beliau taman rumahnya. Inskripsi dalam lukisan itu membandingkan pergerakan ungka dengan calitan kaligrafi Cina yang elegan.

Karya ini dipaparkan di belakang wang kertas \$50 Singapura.

Chen Wen Hsi (陈文希)

(l. 1906, China; m. 1991, Singapura)

Angsa

1987

Dakwat dan warna Cina di atas kertas

Koleksi Galeri Nasional Singapura

P-1056

Dengan palitan lembut berus Chen Wen Hsi, rupa bentuk sekumpulan angsa diringkaskan, dibezakan hanya dengan lapisan warna yang bertindih. Bentuk angsa-angsa seolah-olah berasak-asak antara satu sama lain, seolah-olah tergantung di udara. Ini ditekankan oleh latar belakang putih kertas, yang sengaja dibiarkan kosong—satu konsep dalam lukisan dakwat Cina yang dikenali sebagai *liubai* (留白), yang bermaksud “dibiarkan putih.”

Chen Wen Hsi (陈文希)
(l. 1906, China; m. 1991, Singapura)

Ungka

1977

Dakwat dan warna pada kertas

Koleksi Galeri Nasional Singapura
2015-00455

Pemuliharaan karya seni ini dibiayai oleh Projek Pemuliharaan Seni Bank of America.

Dalam banyak karya Chen Wen Hsi mengenai pelbagai subjek, lukisan ungka beliau mungkin adalah yang paling terkenal.

Gibbons ialah lukisan dakwat terbesar oleh Chen yang diketahui, dan telah ditempah oleh Tabung Simpanan Pekerja untuk merasmikan bangunan baharunya di 79 Robinson Road pada 1970-an

"我所画的东西并不单独描写物体，还要有'空气'在里面。"

"Apa yang saya lukis melangkaui representasi semata-mata. Perlu ada 'semangat' di dalamnya."

Chen Wen Hsi, dalam *CONVERGENCES: Pameran Centennial Chen Wen Hsi*, 2006.

Chen Wen Hsi belajar seni di China sebelum berpindah ke Singapura pada tahun 1949. Karya seni Chen merangkumi gaya representasi dan abstrak, dan merentasi pelbagai bahan termasuk minyak, dakwat dan bahkan eksperimen dengan pasir dan lakuer.

Lukisan ungka dan haiwan yang bertenaga menjadi karyanya yang paling tersendiri dan terkenal, dan dipengaruhi oleh gaya lukisan Cina Lingnan yang berani dan ekspresif.

Chen mengajar seni di pelbagai institusi seperti Sekolah Tinggi Cina dan Akademi Seni Halus Nanyang. Selepas bersara daripada mengajar pada tahun 1968, beliau memberi sepenuh tumpuan hanya pada seninya dan karyanya terus berkembang sepanjang hayat. Walaupun selepas kematiannya pada tahun 1991, seni Chen kekal sebagai sumber inspirasi bagi ramai orang.